

14 AUG 1997

Mahathir-NRIA

LAPANGAN TERBANG PULAU PINANG MUNGKIN DITUTUP SETELAH NRIA SIAP

JITRA, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di Pulau Pinang mungkin akan ditutup setelah Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara (NRIA) yang akan dibina di Kedah beroperasi kelak.

Beliau berkata ini disebabkan faktor harga tanah yang tinggi di Pulau Pinang yang menyebabkan lapangan terbang itu tidak dapat diperbesarkan bagi menampung keperluan pada masa akan datang.

"Kita melihat pada masa akan datang dengan pertumbuhan ekonomi yang meningkat, lapangan terbang di Pulau Pinang itu tidak lagi mampu menampung kapasiti yang besar.

"Jika tiada keperluan dan tidak lagi mampu diperbesarkan mungkin Lapangan Terbang Pulau Pinang itu akan ditutup, setelah NRIA beroperasi kelak," katanya ketika ditanya pemberita pada persidangan berita selepas mengadakan perjumpaan dengan penduduk kawasan Parlimen Kubang Pasu, di sini, hari ini.

Beliau berkata kerajaan pusat berpendapat dengan harga tanah yang tinggi, memperbesarkan lapangan terbang di negeri itu menjadi tidak efektif.

Beban kos yang tinggi itu boleh dipindahkan ke tempat lain, katanya.

NRIA diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan pada Jun lepas setelah menerima permohonan kerajaan Kedah yang bercadang membinanya di kawasan tambak laut seluas 6,300 hektar di sepanjang pantai Kedah. Projek tambakan dijangka bermula hujung tahun ini.

Menurut persetujuan kerajaan negeri, projek NRIA akan diswastakan kepada Syarikat Samudera Baru Darul Aman Sdn. Bhd. dan konsep pembangunannya adalah berdasarkan model Lapangan Terbang Antarabangsa Kansai di Osaka, Jepun yang juga dibina di kawasan tambak laut.

Pembinaan lapangan terbang serba moden itu akan dilakukan di Kuala Muda. Buat masa sekarang kos pembinaannya belum dianggarkan lagi.

Sebelum ini, Kerajaan Pulau Pinang pernah memohon untuk membina lapangan terbang antarabangsa yang baru di negeri itu tetapi tidak diluluskan.

Menurut Dr Mahathir NRIA akan dibina sebaik sahaja laporan kesan alam sekitar (EIA) projek itu disiapkan.

Beliau berkata NRIA adalah untuk kepentingan semua negeri di wilayah utara.

Katanya kerajaan pusat menganggap bahawa lapangan terbang itu adalah pemangkin pembangunan di Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis walaupun ia dibina di kawasan negeri Kedah.

"Malahan Pulau Pinang akan mendapat faedah yang besar kerana lapangan terbang itu terletak amat dekat dengan negeri itu dan jambatan akan dibina menghubungkan kawasan tambakan dengan Pulau Pinang," katanya.

Dr Mahathir berkata semasa Pulau Pinang memohon membina lapangan terbang antarabangsa yang baru di negeri itu, kerajaan negeri Perak dan Kedah tidak bersetuju.

Sehubungan dengan itu kerajaan perlu mencari tempat lain yang berdekatan dengan ketiga-tiga negeri, katanya.

Perdana Menteri juga melahirkan kesalnya dengan sikap parti lawan yang menjadikan kegagalan Pulau Pinang untuk memperolehi kelulusan itu sebagai isu dalam percubaannya menjatuhkan kepimpinan Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Ksu Koon.

"Mereka ini tidak habis-habis mencari modal politik untuk menjatuhkan orang lain," katanya. -- BERNAMA
MZM JM NMO